

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 19 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

MENGANGKAT SUMPAAH
MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA
MEMILIH TIMBALAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1522-L09006
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serius untuk menyiasat segala perilaku rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan mantan-mantan Perdana Menteri khususnya Perdana Menteri keempat dan Perdana Menteri ketujuh.

2. PN-1522-L09642
Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-
 - (a) apakah sasaran Pelaburan Langsung Domestik (DDI) bagi tahun 2023 berbanding dengan Pelaburan Langsung Asing (FDI); dan

 - (b) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk merangsang pelaburan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

3. PN-1522-L09286
Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini 455 buah sekolah menengah dan sekolah rendah di Sarawak yang dikenal pasti sebagai daif dan dalam keadaan kritikal sehingga April 2022.

4. PN-1522-L09238
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan fasiliti dan kemudahan sukan elektronik (E-sukan) atau lebih dikenali sebagai 'Esports' telah dibangunkan oleh Kementerian bagi memenuhi keperluan para belia.
5. PN-1522-L09145
Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah sistem Pangkalan Data Utama (PADU) berupaya menghubungkan secara automatik seseorang individu yang berpendapatan rendah dengan bantuan-bantuan berfokus termasuk subsidi bersasar tanpa memerlukan individu tersebut melalui lapisan birokrasi termasuklah melakukan pengesahan semula menerusi satu-satu permohonan.
6. PN-1522-L09451
Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan mengapa baru sekarang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) mengeluarkan arahan kepada semua syarikat telekomunikasi untuk menghalang penyertaan pautan URL dalam penghantaran SMS untuk mengatasi sejumlah penipuan atas talian yang sering menghantar SMS kepada pengguna dan mengapakah arahan ini baru dikeluarkan.
7. PN-1522-L09790
Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah penambahan cuti bersalin 98 hari telah diwajibkan kepada seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak serta sektor swasta.
8. PN-1522-L09531
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan selain Koperasi, adakah Kementerian turut terlibat dalam menarik penglibatan anak muda/belia untuk menceburi perniagaan sektor agromakanan dan apakah program-program yang ditawarkan kepada golongan tersebut.
9. PN-1522-L09365
Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah jangka panjang Kementerian untuk menyekat isu kebanjiran pelarian Rohingya yang seperti tiada kesudahan.

10. PN-1522-L09789
Datuk Paul Igai minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan Malaysia dalam pasukan pengamanan dan bidang keselamatan global sejak Malaysia menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations).
11. PN-1522-L09598
Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menggalakkan Universiti Awam agar dapat menghasilkan produk kajian yang boleh dikomersialkan sehingga ke peringkat antarabangsa.
12. PN-1522-L09300
Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi menambah baik sistem dan tadbir urus Program Perumahan Rakyat (PPR) sedia ada dan apakah pelan keluar (exit plan) bagi para penyewa PPR tersebut.
13. PN-1522-L09668
Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah peranan yang telah dimainkan oleh Jawatankuasa Pestalotiopsis sejak ia ditubuhkan bagi membantu para pekebun kecil untuk mengawal dan menghapuskan penyakit luruhan daun pokok getah tersebut.
14. PN-1522-L09192
Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan tiada penduduk miskin tegar yang tercicir dari pangkalan data Kerajaan yang boleh menyebabkan mereka terpinggir daripada usaha untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan mutlak.
15. PN-1522-L09517
Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah pemerksaan pekerja dalam ekonomi gig terutamanya dari aspek pemerksaan taraf pendidikan dan kemahiran memandangkan ramai rakyat Malaysia terutamanya anak-anak muda lebih berminat untuk menyertai ekonomi gig ini.

16. PN-1522-L09012

Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan selain melaksanakan Program MEKAR, apakah perancangan selanjutnya untuk membolehkan kesemua 8,910 orang masyarakat Siam yang dikenal pasti oleh Jabatan Pendaftaran Negara sebagai layak secara automatik untuk membetulkan keterangan keturunan daripada Thai kepada Siam berbuat demikian. Dimanakah lokasi-lokasi Program MEKAR yang seterusnya bagi masyarakat Siam di Kedah dan berapakah bilangan kes yang bakal diselesaikan.

17. PN-1522-L09470

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mekanisme dan cara menangani masalah kenderaan berat yang memasuki jalan raya utama ketika waktu puncak. Walaupun mempunyai tempoh masa yang telah ditetapkan, kenderaan berat ini gagal mematuhi larangan yang sedia ada.

18. PN-1522-L09130

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah tambahan dan strategi yang diambil oleh Kementerian selain memberikan visa kepada warganegara China dan India dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke Malaysia bagi mencapai matlamat Tahun Melawat Malaysia 2025.

19. PN-1522-L09155

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bagaimanakah Kementerian memainkan peranan dalam memantau kandungan (content) media sosial yang boleh dianggap mengancam keamanan, keselamatan dan ketertiban masyarakat.

20. PN-1522-L09700

Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah status Pekeliling KDN 1986 yang menjadi punca kuasa bagi Kementerian membuat rampasan penerbitan Kristian yang menggunakan kalimah Allah memandangkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memutuskan ia tidak sah maka pada masa kini wujud lacuna/lompang di mana punca kuasa untuk penguatkuasaan rampasan penerbitan telah tiada; dan
- (b) apakah langkah segera Kerajaan untuk mengisi kelompangan punca kuasa ini.

21. PN-1522-L09230

Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh HRD Corp iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian bagi memastikan latihan yang disediakan memenuhi kehendak pasaran terkini.

22. PN-1522-L09620

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu agensi khusus untuk mengendalikan isu-isu maritim yang semakin kompleks dan boleh menjejaskan kepentingan negara sekiranya tidak ditangani secara komprehensif dan terselaras.

23. PN-1522-L09574

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan senarai kontraktor terpilih melalui kaedah perolehan secara tender terbuka (reka dan bina) bagi pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dalam RMKe-12 yang melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM10.9 billion.

24. PN-1522-L09057

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah pengawalan penyakit berjangkit yang sudah dipersiapkan bagi menyekat penularan penyakit batuk kokol di seluruh negara dan adakah Kementerian mempunyai perancangan khusus untuk memperluaskan pelaksanaan vaksinasi khas bagi penyakit tersebut terhadap warga pendidikan khususnya kepada pelajar dan guru.

25. PN-1522-L09728

Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan strategi Kementerian dalam mengasah atlet lama dan baharu untuk memperoleh pingat emas pertama negara di Sukan Olimpik 2024 yang dijadualkan berlangsung di Paris pada tahun hadapan.

26. PN-1522-L09152
Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diserahkan oleh Kementerian dan diterima oleh Kerajaan Sarawak di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan.
27. PN-1522-L09489
Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah penduduk Orang Asli yang terkini mengikut data yang ada dalam Jabatan Pendaftaran Negara.
28. PN-1522-L09371
Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah justifikasi jurang bilangan pengundi yang begitu besar di antara daerah-daerah mengundi seperti Damansara berbanding dengan Putrajaya. Adakah ini merupakan suatu taktik manipulasi sempadan daerah mengundi atau 'gerrymandering' (penentuan sempadan).
29. PN-1522-L09414
Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sejauh manakah usaha dan pendekatan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menaik taraf internet di kawasan kampung dan kawasan luar bandar terutamanya di Sarawak.
30. PN-1522-L09036
Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan terperinci Kementerian selepas Malaysia mencatat pencapaian terburuk dalam sejarah Sukan SEA pada edisi 2023 di Kemboja apabila gagal mencapai sasaran pingat khususnya menjelang temasya Olimpik Paris 2024 dan Los Angeles 2028 serta pembentukan pasukan Road to Gold (RTG).
31. PN-1522-L09423
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan, langkah dan jangkaan Kementerian dalam membendung isu nilai Ringgit yang terus merosot.

32. PN-1522-L09389

Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah aspek pemantauan terhadap pelancong asing terutamanya dari China yang masuk ke negara ini namun telah menyalahgunakan visa pelancong bagi tujuan kegiatan pelacuran dan apakah bentuk kerjasama yang telah dilakukan bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bagi mengatasi masalah penyalahgunaan visa pelancong ini.

33. PN-1522-L09259

Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah sejumlah 667 orang Jururawat Masyarakat yang telah lulus program Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) semenjak Januari 2019, masih belum dilantik sebagai Jururawat Terlatih Gred U29. Mengapakah kelewatan tersebut berlaku memandangkan terdapat kekurangan jururawat terlatih di seluruh Malaysia.

34. PN-1522-L09324

Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mengapakah ramai rakyat Malaysia terutama golongan B40 masih mengalami masalah ekonomi, walhal pertumbuhan ekonomi dilaporkan berkembang pada kadar 5.6% bagi suku pertama tahun 2023.

35. PN-1522-L09069

Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian yang dilaksanakan oleh pihak Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE) bagi memantapkan lagi kepakaran dan kemahiran para petugas ATM khususnya di sempadan bagi menangkis sebarang jenayah rentas sempadan.

36. PN-1522-L09344

Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah atau program-program untuk menangani isu pencemaran akibat industri pertanian (agriculture polutions). Sekiranya ada, berapakah jumlah yang diperuntukkan tahun ini bagi menangani masalah tersebut.

37. PN-1522-L09117

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa lamakah bekalan simpanan beras negara untuk rakyat Malaysia boleh bertahan.

38. PN-1522-L09605
Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membantu promosi dan memberi bantuan kewangan untuk menaik taraf destinasi pelancongan Air Terjun Jelawang yang tertinggi di Asia Tenggara dan Gua Ikan di Dabong, Kelantan.
39. PN-1522-L09735
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kementerian bagi menangani masalah sungai-sungai yang kering berikutan musim kemarau di seluruh negara pada waktu ini.
40. PN-1522-L09175
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam meningkatkan daya saing industri nasional dan keupayaan yang boleh mendorong peningkatan pelaburan di Malaysia.
41. PN-1522-L09547
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan biro aduan, tribunal dan institusi bukan mahkamah untuk mengendali dan menguruskan aduan yang melibatkan diskriminasi gender di peringkat daerah, negeri dan negara dalam mencegah penindasan dan ketidakadilan yang dihadapi di tempat kerja awam, swasta, dan institusi pembelajaran.
42. PN-1522-L09795
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan Kompleks Sukan Wanita di setiap negeri sesuai dengan prinsip hormat yang terkandung di dalam prinsip Madani bagi memelihara kehormatan wanita.
43. PN-1522-L09212
Datuk John Ambrose minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan jumlah dan tahap kebergantungan terhadap pekerja asing.

44. PN-1522-L09570

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah Kementerian memanfaatkan penggunaan teknologi solar di kawasan luar bandar dan pedalaman supaya rakyat setempat mampu menikmati infrastruktur seperti lampu solar bagi menampung kekurangan penggunaan lampu jalan sedia ada.

45. PN-1522-L09270

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi dan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan kemasukan pelajar asing ke Malaysia termasuk usaha mengurangkan kerenah birokrasi bagi kemasukan ibu bapa pelajar tersebut sedangkan pelajar dan keluarga tersebut ditaja oleh badan Kerajaan atau swasta negara mereka sendiri.

46. PN-1522-L09690

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dan apakah situasi perpaduan pada masa ini selepas pelancaran Minggu Perpaduan Negara Malaysia Madani.

47. PN-1522-L09692

Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apakah jenis makanan yang diklasifikasikan sebagai makanan ruji rakyat Malaysia dan berapakah jumlah peratusan pengeluaran yang dikeluarkan oleh negara, jumlah untuk import dan eksport; dan
- (b) apakah langkah tegas yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bekalan makanan ruji sentiasa mencukupi.

48. PN-1522-L09385

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil termasuk perjumpaan dengan pihak berkepentingan dalam merealisasikan cadangan Perdana Menteri untuk mewujudkan 'Asian Monetary Fund'.

49. PN-1522-L09221

Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berapakah bilangan peranti yang telah diagih di bawah program PerantiSiswa dan berapakah kosnya.

50. PN-1522-L09046
Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah perbelanjaan dikeluarkan dalam penyediaan aplikasi peralihan dasar sosioekonomi daripada pendekatan berasaskan pendapatan B40, M40 dan T20 kepada berasaskan pendapatan boleh belanja bersih isi rumah berdasarkan Pangkalan Data Utama (PADU) dijangka bermula Januari 2024.
51. PN-1522-L09082
Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah lagi kampung-kampung Orang Asli yang belum dilaksanakan kerja-kerja ukur tanah oleh Juruukur Berlesen untuk tujuan pewartaan kampung tersebut sebagai Rizab Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]. Berapakah keluasan masing-masing untuk setiap negeri.
52. PN-1522-L09626
Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah projek naik taraf kaunter Jabatan Imigresen di pintu masuk dan keluar W.P Labuan boleh disiapkan.
53. PN-1522-L09647
Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil dalam menangani isu buli terutamanya di sekolah berasrama kerana setiap tahun isu buli ini tetap berada pada tahap yang membimbangkan.
54. PN-1522-L09377
Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang dalam menawarkan persekitaran kerja yang fleksibel memandangkan jangka hayat yang semakin bertambah.
55. PN-1522-L09446
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status perubahan unjuran kos pembinaan projek 'MRT 3 Circle Line' dari tarikh projek ini diluluskan sehingga kini. Sekiranya ada perubahan unjuran kos pembinaan, apakah perubahan yang telah dibuat berbanding dengan perancangan yang asal.

56. PN-1522-L09548

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah perkembangan projek pembinaan tangki air di Lanchang, Pahang bagi mengatasi masalah air di sekitar Lanchang.

57. PN-1522-L09391

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kesediaan Kerajaan untuk memandatorikan pembayaran gaji bulan ketiga belas seperti yang dilaksanakan oleh para majikan di Indonesia dan apakah terdapat pindaan akta yang perlu diperhalusi bagi tujuan ini.

58. PN-1522-L09732

Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah belia yang menyertai program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) sebagai peserta di seluruh negara serta apakah insentif Kerajaan bagi membantu para peserta yang terlibat khususnya belia.

59. PN-1522-L09460

Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian melakukan kajian tentang keberkesanan pembelajaran sekolah rendah dan menengah dan adakah kemungkinan Kerajaan bercadang untuk mengurangkan tempoh pembelajaran dari 12 tahun ke 10 tahun sahaja.

60. PN-1522-L09063

Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi membantu menjayakan pembangunan sukan di negeri Perlis serta membantu untuk membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat.

61. PN-1522-L09431

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah isu dan cabaran berkenaan dengan implementasi gaji minimum dan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit. Dengan pendapatan minimum sejumlah RM2500 sebulan sebagai sasaran baharu, apakah kesannya kepada ekonomi negara.

62. PN-1522-L09810

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kemasukan pekerja asing dalam negara dalam masa enam bulan pertama Kerajaan Madani dan senaraikan negara-negara yang terlibat mengikut kategori bidang.

63. PN-1522-L09752

Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat kajian dilaksanakan bagi menaik taraf hospital lama Sarikei yang terabai dan tidak lagi digunakan untuk menampung dan membina lebih banyak ruang tempat letak kereta bagi menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta dan kesesakan di Poliklinik Sarikei.

64. PN-1522-L09747

Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat sebarang usaha untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dan menurunkan had umur Ahli Dewan Negara untuk memberi peluang kepada wakil golongan belia menjadi Senator di Dewan Negara.

65. PN-1522-L09229

Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah sebab-sebab Kementerian tidak boleh menyelesaikan isu kekurangan pekerja asing dalam sektor-sektor yang memerlukannya; dan
- (b) berapakah jumlah bilangan pekerja asing yang masuk ke Malaysia setakat ini dan sila berikan pecahan pekerja ini mengikut sektor masing-masing.

66. PN-1522-L09564

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan jangka panjang dan sederhana bagi menjamin bekalan beras dalam negara mencukupi dan juga pelan Kerajaan jika berlaku situasi luar jangkaan seperti peperangan dan bencana seperti ancaman El Nino.

67. PN-1522-L09633

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tahap kesediaan Kerajaan untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi bersasar bagi tarif elektrik (isi rumah) dan harga minyak RON 95.

68. PN-1522-L09156

Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan aspek penguatkuasaan yang sedang dipergiatkan di seluruh negara bagi mengesan dan membanteras aktiviti penjualan barangan berjenama tiruan yang dilakukan sama ada secara fizikal mahupun dalam talian sejajar dengan perancangan Kerajaan untuk melaksanakan cukai barangan mewah.

69. PN-1522-L09309

Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah selepas pindaan 2023 bagi RUU Insolvensi, ia membawa tindak balas kepada individu yang telah diisytihar muflis sebelum pindaan tersebut dibuat.

70. PN-1522-L09247

Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menggantikan 47 buah ambulans atau 87% daripada ambulans di Pulau Pinang yang disarankan untuk pelupusan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 4.1, Lampiran E. Ambulans-ambulans ini membahayakan pesakit dan petugas kesihatan sekiranya masih terus digunakan.

71. PN-1522-L09340

Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah dasar ekonomi negara sudah cukup mantap bagi menangani suasana ekonomi yang kian mencabar dan tidak menentu serta apakah langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan rakyat.

72. PN-1522-L09099

Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perubahan cuaca dan ancaman bencana alam seperti El Nino serta peningkatan serangan penyakit dan perosak tanaman adalah antara faktor yang boleh menggugat sekuriti makanan negara. Apakah langkah jangka pendek yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan bencana alam tidak menjejaskan tanaman dan juga kesihatan para petani.

73. PN-1522-L09111

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan Skim Perlindungan Insurans Kesihatan untuk seluruh rakyat Malaysia sebagai langkah untuk memberi pilihan kepada rakyat terutamanya golongan B40 untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan swasta bagi merawat penyakit yang memerlukan perhatian segera.

74. PN-1522-L09030

Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah fungsi utama atau peranan Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) di bawah Jabatan Perdana Menteri dan berapakah jumlah terkini perjawatan yang telah diisi di J-KOM; dan
- (b) apakah perjawatan Ketua Pengarah J-KOM sebagai penjawat awam dan membolehkannya membuat kenyataan berunsur dan bermotif kepartian.

75. PN-1522-L09781

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan :-

- (a) apakah status terkini pelaksanaan rangkaian internet 5G terutamanya bagi zon komersial/perniagaan dan kawasan industri utama di Kelantan; dan
- (b) adakah dengan langkah Kerajaan untuk beralih kepada model 'Dual Network' akan dapat menambah kualiti, tahap kebolehcapaian (accessibility) dan boleh mengurangkan kos kepada rakyat.

76. PN-1522-L09558

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah sasaran baru Kementerian bagi kawasan-kawasan pembangunan koridor khususnya Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk pantai timur Semenanjung.

77. PN-1522-L09613

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) apakah punca masalah bekalan elektrik di Wilayah Persekutuan (W.P) Labuan; dan
- (b) apakah rancangan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dalam menangani isu bekalan elektrik yang kerap terputus dan yang semakin meningkat di W.P Labuan.

78. PN-1522-L09524

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil Kementerian untuk mengatasi kadar pengangguran dalam kalangan graduan lepasan Ijazah Perguruan.

79. PN-1522-L09816

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pencapaian Dasar Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam membentuk suasana perniagaan yang lestari.

80. PN-1522-L09206

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah kemerosotan rizab antarabangsa dan kemerosotan nilai wang ringgit yang berlaku kini memberi kesan kepada industri berasaskan import dan apakah langkah Kerajaan bagi memastikan industri yang bergantung kepada import akan terus stabil sehingga penghujung tahun 2023.

81. PN-1522-L09710

Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) berapakah luas Tanah Rizab Melayu yang diwartakan pada awal kemerdekaan mengikut negeri; dan
- (b) berapa jumlahnya yang masih ada di setiap negeri dan apakah langkah-langkah tegas Kerajaan bagi membendung kesusutan ini dengan gantian menurut ketetapan undang undang.

82. PN-1522-L09683

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Malaysia mempunyai perancangan untuk menggunakan kaedah pembayaran 'Cross-Border QR Payment' seperti yang telah dimulakan oleh Indonesia untuk memudahkan transaksi pembayaran melibatkan pertukaran matawang dan jika ada bilakah perkara ini akan dimulakan.

83. PN-1522-L09283

Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah program-program dan inisiatif yang telah disediakan untuk membantu usahawan di Sarawak dan berapakah jumlah dana yang telah disediakan untuk maksud tersebut.

84. PN-1522-L09326

Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah persediaan yang akan Kementerian ambil untuk menghadapi masalah jerebu dan kebakaran hutan yang pasti akan berlaku setiap kali musim kemarau di negara kita.

85. PN-1522-L09596

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah tahap kesediaan dan kesiapsiagaan fasiliti kesihatan peringkat negeri dan pusat seluruh negara dalam menghadapi kesan Monsun Barat Daya dan fenomena El Nino yang membawa kepada serangan strok haba.

86. PN-1522-L09512

Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian untuk menangani isu 'Network Blind Spot' di tempat awam seperti jalan raya yang menjejaskan ketersalinghubungan pengguna.

87. PN-1522-L09345

Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah terkini yang diambil Kementerian dalam merencanakan lagi industri pelancongan di Malaysia terutamanya pelancongan domestik.

88. PN-1522-L09172

Tuan Abun Sui Anyit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab Pendakwa Raya kalah dalam kes Pendakwa Raya lawan Zuraini Razzi bin Raini di Mahkamah Sesyen Miri, Sarawak, di mana tertuduh dituduh merogol seorang gadis yang masih dalam lingkungan kanak-kanak semasa mereka ditahan di dalam lokap polis Miri. Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mengelakkan kejadian ini daripada berulang.

89. PN-1522-L09591

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah punca kegagalan atlet negara untuk memperoleh pingat emas seperti mana yang disasarkan oleh Kementerian dalam Sukan SEA Kemboja 2023 baru-baru ini.

90. PN-1522-L09676

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah keupayaan sebenar undang-undang sedia ada untuk menangani cabaran berita palsu di era ledakan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan adakah Kementerian berhasrat untuk menguatkuasakan kembali Akta Antiberita Tidak Benar 2018.

91. PN-1522-L09040

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah sebenar pembiayaan Kerajaan dalam Projek Light Rapid Transit (LRT) Pulau Pinang yang diumumkan semasa Jamuan Rumah Terbuka Hari Raya Madani Pulau Pinang.

92. PN-1522-L09582

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Persekutuan bagi membantu pembangunan dan menaik taraf sekolah tahfiz dan pondok di negeri Kedah; dan
- (b) nilai peruntukan yang telah diagihkan bagi tahun 2022 hingga suku pertama tahun 2023.

93. PN-1522-L09746

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah kegagalan Malaysia mencapai sasaran 40 pingat emas di Sukan SEA dijadikan satu 'wake-up call' untuk kita bersiap sedia untuk Sukan Asia yang akan datang. Apakah rancangan dan pelan untuk memastikan atlet-atlet kita mengekalkan prestasi cemerlang mereka di Sukan Asia.

94. PN-1522-L09321

Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian menyediakan pinjaman TEKUN khas buat usahawan dari golongan sasaran Orang Kurang Upaya (OKU) bagi kelengkapan peralatan perniagaan seperti komputer, mesin dan lain-lain.

95. PN-1522-L09408
Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil yang berhasil membantu pekebun kecil getah dan koko memandangkan harga komoditi ini sangat rendah sekarang. Adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan harga minimum/harga lantai (price floor) untuk komoditi ini bagi membantu pekebun-pekebun kecil.
96. PN-1522-L09436
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah peruntukan khas (dana MyKhas) untuk Ahli Dewan Negara masih diteruskan pada tahun ini selaras dengan garis panduan JPM Bil 1/2022. Jika ya, mengapakah setakat 23 Mei 2023, portal MyKhas oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) masih tidak lagi berfungsi.
97. PN-1522-L09356
Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha dan perancangan Kementerian bagi menepis sentimen penggunaan kalimah Allah oleh penganut bukan Islam.
98. PN-1522-L09495
Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran pelajar-pelajar Orang Asli di peringkat sekolah rendah dan berapakah jumlah keciciran pada tahun 2020 dan 2021.
99. PN-1522-L09721
Dato' Haji Husain bin Awang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah institusi kehakiman Syariah pada waktu ini telah diperkasakan daripada segi keserjanaan dan pengurusan pentadbiran yang lebih efisien supaya setaraf dengan institusi kehakiman sivil.
100. PN-1522-L09024
Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan masyarakat Siam yang telah memohon dan bilangan yang telah diluluskan permohonan skim Rumah Mesra Rakyat mengikut negeri. Apakah langkah yang dilakukan untuk membolehkan maklumat mengenai skim ini diketahui oleh masyarakat Siam yang dijangka memerlukan bantuan melalui skim ini.

101. PN-1522-L09197

Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bentuk pemantauan Kerajaan ke atas gaji, emolumen dan faedah yang ditawarkan oleh pelabur-pelabur asing kepada pekerja rakyat Malaysia termasuk pelan penggantian.

102. PN-1522-L09164

Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai kaedah kawalan agar tambang kapal terbang di antara Kuala Lumpur/Semenanjung, Sabah dan Sarawak tidak terlalu mahal hingga mencecah RM800 ke ribuan ringgit bagi perjalanan sehala terutamanya setiap kali menjelang perayaan Hari Raya, Tahun Baru Cina, Hari Gawai dan Pesta Kaamatan.

103. PN-1522-L09288

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah mekanisme yang bakal Kerajaan gunakan dalam melaksanakan pengecualian subsidi tarif elektrik kepada golongan kelas pendapatan T20 berikutan unjuran kelas pendapatan tersebut berbeza mengikut negeri.

104. PN-1522-L09439

Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk memperkasakan masyarakat India dalam bidang pendidikan dan ekonomi.

105. PN-1522-L09482

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status industri hidrogen di Malaysia dan apakah pelan dalam memastikan kita berada di landasan yang tepat sebagai hub pembuatan sel bahan api hidrogen.

106. PN-1522-L09147

Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah skim Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur telah berjaya dan berhasil membantu belia di negara ini dalam menjana pendapatan dan adakah skim ini telah mencapai sasaran dan akan ditambah pada tahun hadapan.

107. PN-1522-L09806

Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan terkini bagi kebolehlaksanaan pemasangan lampu isyarat atau pembinaan bulatan trafik di persimpangan masuk ke Pekan Jakar, Sarikei.

108. PN-1522-L09769

Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini serta apakah usaha Kementerian untuk membasmi golongan ini.

109. PN-1522-L09657

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam menggalakkan pelajar mengambil mata pelajaran bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) memandangkan negara kita menghadapi kekurangan siswazah berdisiplin STEM.

110. PN-1522-L09198

Datuk John Ambrose minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan senario cabaran ekonomi di dalam dan luar negara dan apakah tindakan Kerajaan untuk menanganinya demi menjaga kebajikan serta kesejahteraan rakyat.

111. PN-1522-L09750

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan penggubalan RUU Bahan Khayal dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah gejala menghidu gam dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

112. PN-1522-L09711

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan waktu pembelajaran secara formal dalam mata pelajaran STEM untuk para pelajar di Sekolah Kebangsaan.

113. PN-1522-L09488

Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) statistik pengambilan pelajar lepasan SPM, STPM dan setaraf ke Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengikut kaum bermula tahun 2018 ke tahun 2023; dan

- (b) apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan peluang tawaran pengajian tinggi ke UA dan IPTA memandangkan masih ramai lagi lepasan SPM/STPM dan setaraf yang mempunyai keputusan yang layak terpaksa meneruskan pengajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang memerlukan perbelanjaan yang jauh lebih tinggi akibat kekurangan tawaran dalam bidang pilihan di UA dan IPTA.
114. PN-1522-L09528
Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam mengoptimumkan kekuatan pegawai dan kakitangan yang bertugas di pintu masuk negara terutamanya di Johor yang bersempadan dengan Singapura sebagai langkah menangani kesesakan terutamanya pada waktu puncak.
115. PN-1522-L09253
Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah pesakit-pesakit khususnya yang menghidap masalah gangguan perkembangan (development disorders) contohnya autisme perlu sengsara dengan masa menunggu yang sangat lama seperti 6 hingga 9 bulan untuk mendapat janji temu kes baru untuk sesi terapi dengan Pegawai Pemulihan Perubatan (Audiologi) dan Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) di negeri Pulau Pinang.
116. PN-1522-L09185
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat membantu Syarikat Air Negeri bagi menurunkan kadar Non Revenue Water (NRW) dan seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam mengurangkan kos operasi.
117. PN-1522-L09217
Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini rancangan untuk mewajibkan persekolahan peringkat menengah dan bilakah ia akan dilaksanakan.
118. PN-1522-L09075
Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah Kampung Orang Asli yang diiktiraf masih berada dalam kawasan Rizab Hutan Simpanan Kekal di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 dan apakah usaha-usaha dilakukan untuk memastikan bahawa kawasan Kampung Orang Asli tersebut adalah bebas daripada status Rizab Hutan Simpanan Kekal atau lain-lain rizab.

119. PN-1522-L09087

Tuan Amir bin Md Ghazali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah holistik yang dirangka oleh Kementerian untuk mengawal kebanjiran warga asing terutamanya pelarian Rohingya di negara kita dan berapakah jumlah kemasukan pelarian Rohingya yang telah direkodkan dari tahun 2020 sehingga 2022.

120. PN-1522-L09187

Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini berkenaan usaha untuk menyemak kurikulum di Institut Pengajian Tinggi supaya selari dengan kehendak industri dan keperluan pasaran kerja semasa.

121. PN-1522-L09370

Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan serta usaha yang telah diambil oleh Kementerian bagi menggalakkan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela di kawasan berkepadatan orang Melayu.

122. PN-1522-L09501

Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang boleh dilakukan untuk memudahkan peneroka FELDA menyemak penyata hutang dan pendapatan mereka untuk mengetahui jumlah pendapatan dan jumlah baki hutang bagi setiap bulan.

123. PN-1522-L09133

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah tindakan susulan Kementerian berhubung isu kebocoran lebih 21 juta nombor telefon bimbit rakyat Malaysia yang telah dijual kepada sindiket penipuan atas talian (scammer) seperti yang dilaporkan oleh 'Gogolook 2022 Annual Fraud Report'.

124. PN-1522-L09051

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha yang sedang difokuskan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan yang disediakan di setiap Hospital Pengajar Universiti (HPU) seiring dengan arus pembangunan teknologi perubatan masa kini yang berupaya menyokong kepelbagaian perkhidmatan rawatan kesihatan kepada rakyat setempat termasuklah kakitangan universiti dan pelajar.

125. PN-1522-L09779

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah pencapaian program seperti penglibatan belia dalam pertanian dan adakah Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk merangsang belia berkecimpung dalam bidang pertanian khususnya bagi belia di luar bandar.

126. PN-1522-L09341

Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan rasionalisasi Kerajaan memperkenalkan rangkaian kedua 5G melalui entiti baharu awal tahun depan sedangkan pelaksanaan 5G melalui Digital Nasional Bhd (DNB) masih bertungkus-lumus pelaksanaannya di seluruh negara.

127. PN-1522-L09427

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kaedah untuk mengukur pencapaian murid dalam 3M (membaca, menulis, dan mengira) selepas penghapusan UPSR. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kementerian untuk menangani kenyataan laporan Bank Dunia yang menyatakan 43% murid akhir sekolah rendah tidak menguasai kemahiran membaca.

128. PN-1522-L09476

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah kerja menaik taraf jalan raya yang dibina di bawah Projek Jiwa Murni di Sarawak akan dilakukan dan adakah kerja menaik taraf jalan ini dilakukan secara berkala atau terus menerus dalam jangka masa yang ditetapkan oleh Kementerian.

129. PN-1522-L09294

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk memperkasakan wanita di dalam pembuat dasar dan keputusan, termasuklah di sektor syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan sektor awam.

130. PN-1522-L09537

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan persatuan-persatuan belia sentiasa hidup dan kekal aktif di setiap daerah bagi melahirkan pemimpin yang berkecimpung dan berkualiti dalam semua bidang terutamanya dalam ekonomi, sosial dan politik.

131. PN-1522-L09655
Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai data jumlah kemasukan pelajar asing ke IPT di negara ini secara terperinci dan berapa banyak yang kekal mengikuti pengajian serta berapa banyak yang 'hilang' kerana bekerja atau atas sebab lain.
132. PN-1522-L09399
Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pendirian terbaharu Kementerian terhadap cadangan untuk mengharamkan perkahwinan bawah umur bagi melindungi hak kanak-kanak dan remaja serta memberi kesedaran yang berterusan kepada masyarakat.
133. PN-1522-L09093
Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah punca yang menyebabkan Kontinjen Kebangsaan Negara gagal menyerlah dan tidak mencapai sasaran emas pada Kejohanan Sukan SEA di Kemboja tempoh hari sehingga dipertikaikan pihak pembangkang yang mempersoalkan pencapaian terburuk negara tersebut dan keupayaan Menteri Belia dan Sukan.
134. PN-1522-L09772
Datuk Paul Igai minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menaikkan gaji minimum terkini RM1,500 kepada tahap yang boleh dikatakan lebih sesuai memandangkan harga barang keperluan seperti barang makanan, harga rumah dan subsidi tidak kurang daripada RM400 bilion masih diperlukan setiap tahun.
135. PN-1522-L09077
Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah antara faktor utama peningkatan migrasi anak muda luar bandar ke bandar serta apakah langkah proaktif Kerajaan bagi menurunkan kadar migrasi tersebut.
136. PN-1522-L09018
Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi melindungi seluruh rakyat Malaysia, pelbagai bangsa dan agama daripada dihina oleh mereka yang tidak bertanggungjawab demi kepentingan diri. Adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan kecekapan penguatkuasaan/pencegahan dengan menubuhkan badan penasihat yang merangkumi pelbagai bangsa dan agama.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 21/2023) Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
2. (D.R. 1/2023) Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Dalam Negeri]
3. (D.R. 15/2023) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (No.2) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
4. (D.R. 16/2023) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
5. (D.R. 17/2023) Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
6. (D.R. 22/2023) Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi]
7. (D.R. 18/2023) Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

8. (D.R. 19/2023) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

9. (D.R. 20/2023) Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Komunikasi Dan Digital]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2022</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST 168	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 193	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Bagi Tahun 2020	19 Jun 2023
<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD 25	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
CMD 26	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 51	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 61	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia (LGM) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 62	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia Properties Corporation (LGMPC) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 66	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 67	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Bagi Tahun 2020	19 Jun 2023
ST 79	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (LWHNPP) Bagi Tahun 2019	19 Jun 2023
ST 82	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Bagi Tahun 2022	19 Jun 2023
ST 83	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit Bagi Tahun 2022	19 Jun 2023

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST 87	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 89	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 93	AKTA RACUN 1952 Peraturan-Peraturan Racun (Pengecualian) (Pembatalan) 2023 P.U (A) 71/2023 yang diwartakan pada 21 Mac 2023	19 Jun 2023
ST 94	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lada Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 95	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentungan (KWSMP) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 96	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 97	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 98	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 99	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 100	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 101	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 102	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Islam Sultan Zainal Abidin Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 103	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST 104	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 105	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 106	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 107	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 108	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Mara Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 109	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 110	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 111	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 112	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 113	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 114	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kemaman Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 116	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 118	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 120	AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Pelanjutan) 2023 P.U. (A) 33/2023 diwartakan pada 07 Februari 2023	19 Jun 2023

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST 121	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Kerajaan Negara-Negara Anggota ASEAN dan Jepun) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 52/2023 diwartakan pada 28 Februari 2023	19 Jun 2023
ST 122	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 68/2023 yang diwartakan pada 14 Mac 2023	19 Jun 2023
ST 123	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negara-Negara ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 91/2023 yang diwartakan pada 31 Mac 2023	19 Jun 2023
ST 124	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negara-Negara ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) (Pindaan) (No.2) 2023 P.U. (A) 92/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	19 Jun 2023
ST 125	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Langkawi) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 96/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	19 Jun 2023
ST 126	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2023 P.U. (A) 98/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	19 Jun 2023
ST 127	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Tioman) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 99/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	19 Jun 2023
ST 128	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 102/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	19 Jun 2023
ST 129	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Labuan) (Pindaan) 2023 P.U (A) 104/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	19 Jun 2023

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST 130	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pangkor) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 105/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	19 Jun 2023
ST 131	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 106/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	19 Jun 2023
ST 132	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan daripada Cukai) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 109/2023 diwartakan pada 4 April 2023	19 Jun 2023
ST 133	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2023 P.U. (A) 136/2023 diwartakan pada 28 April 2023	19 Jun 2023
ST 134	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 2023 P.U (A) 137/2023 diwartakan pada 28 April 2023	19 Jun 2023
ST 135	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negara Negara ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) (Pindaan) (No.3) 2023 P.U. (A) 138/2023 diwartakan pada 28 April 2023	19 Jun 2023
ST 136	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian TransPasifik) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 139/2023 diwartakan pada 28 April 2023	19 Jun 2023
ST 137	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 138	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan PR1MA Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 139	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST 140	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2020	19 Jun 2023
ST 141	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 142	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 143	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 144	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 145	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 146	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 147	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023
ST 148	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia (BNM) Bagi Tahun 2022	19 Jun 2023
ST 149	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2021	19 Jun 2023